

21/03/2001

Malaysia terima anugerah minoriti dan harmoni

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia dipilih sebagai penerima sulung Anugerah Minoriti dan Harmoni Antarabangsa sebagai penghargaan kepada rekod pencapaiannya dalam menjaga hak golongan minoriti dan mengekalkan keamanan dan keharmonian negara.

Pemilihan itu diumumkan oleh penganjur Perikatan Minoriti Sedunia, Julius Salik di sini, hari ini.

Beliau berkata, majlis penganugerahan akan diadakan di Pakistan tidak lama lagi.

Salik adalah bekas Menteri Kebajikan Penduduk Pakistan dan adalah menteri beragama Kristian pertama yang dilantik di negara itu.

"Malaysia adalah sebuah negara Islam yang tidak mengamalkan diskriminasi terhadap golongan minoriti. Dalam abad ke-21 ini, Malaysia menikmati tahap keharmonian antara kaum dan agama yang membanggakan kerana tidak ada pemisahan kelas dan warna," katanya.

Beliau berkata Malaysia bukan saja mengamalkan kebebasan beragama tetapi memberikan cuti umum kepada semua agama sedangkan perkara seperti itu tidak diamalkan walaupun di negara yang mendakwa sebagai wira demokrasi dan hak kemanusiaan.

Kata Salik, Malaysia juga menikmati kebebasan berpolitik dengan membenarkan rakyatnya yang layak untuk bertanding apa saja jawatan tanpa diskriminasi kaum atau agama.

Beliau berkata Malaysia patut menerima anugerah itu kerana ia mempunyai reputasi tinggi di kalangan masyarakat antarabangsa sebagai sebuah negara yang menjaga hak minoriti dengan berpegang kepada Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

"Semasa lawatan dan berjumpa dengan orang ramai di sini, saya dapati realiti di bawah adalah lebih baik daripada apa yang didengar cakap," katanya.

Salik juga adalah anggota parlimen Pakistan sebanyak lima penggal dan pernah dua kali dicalonkan untuk Hadiah Nobel.

Beliau turut memuji Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana bekerja keras dan berdedikasi memajukan Malaysia.

"Wawasan beliau (Mahathir) telah membawa kepada kestabilan politik dan keharmonian kaum di Malaysia. Dunia patut melihat negara ini sebagai contoh perhubungan kaum dan penjagaan hak minoriti," katanya.

(END)